

Hari 15 | Orang-orang Mirpur di Britain

Orang-orang yang berasal dari daerah Mirpur di Pakistan merupakan lebih kurang 70% jumlah penduduk asing berbangsa Pakistan di Britain yang berjumlah lebih kurang 747,000. Peratus ini lebih tinggi lagi di bandaraya-bandaraya dan kota-kota di Utara England. Di Bradford, suatu kota berindustri di barat-laut England, anggarannya adalah lebih kurang tiga per empat dari penduduk asing di sana berasal dari Mirpur.

Pada lewat tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an, Kerajaan Pakistan berancang untuk membina Empangan Mangla, yang dirancang akan dibina di kawasan Mirpur. Oleh itu mereka telah menyuruh beberapa ribu orang penduduk tempatan berpindah dari tempat itu. Pada masa itu, Britain memerlukan tenaga pekerja terutamanya untuk kilang kain. Ini membuka jalan untuk ramai orang Mirpur berhijrah ke Britain. Ramai di antara orang Mirpur yang dipaksa tinggalkan tempat asal mereka itu telah berpindah ke Britain dan mula bekerja di kilang-kilang, kebanyakannya

di kawasan yang digelar “tanah hitam” dan kawasan Bradford, England. Terdapat beberapa kampung di kawasan Mirpur di mana lebih dari setengah daripada penduduk-penduduknya telah berpindah ke UK untuk menetap di kota-kota industri. Daerah luar bandar yang miskin ini telah membekalkan tenaga pekerja yang murah dan tidak berkemahiran bagi Britain pada tahun 60 dan 70-an.

Kebanyakan pendatang berasal dari komuniti-komuniti petani sara hidup dan kebanyakan mereka tidak

Hari 15 | Orang-orang Mirpur di Britain

pernah ke sekolah ataupun hanya melalui sedikit pelajaran di sekolah. Salah satu perkara yang dibawa bersama dengan mereka adalah tanggapan tentang sejarah lampau mereka di mana mereka tidak dilayan secara adil terutamanya dari segi tanah/milik mereka dan mereka juga rasa tersisih. Banyak darah tertumpah dalam proses pembahagian negara India semasa Kashmir dibahagikan di antara Pakistan dan India. (Ini merupakan suatu isu yang dianggap sangat penting dari segi politik di kalangan orang Islam di UK). Tiga di antara orang-

orang yang membuat serangan bunuh diri sistem pengangkutan London Underground di musim panas 2005 berasal dari rantau ini di Pakistan.

Kebanyakan orang Mirpur menggunakan bahasa Pothowari, bahasa yang berhubung kait dengan Punjabi. Puak-puak yang terkenal di antara mereka termasuk orang Rajput (Janjua), Sudhan, Khokhar, Gakkhar, Awan, Jat, dll.

Orang Mirpur masih merupakan suku yang sangat terabai dari segi penginjian. Setahu kami, hanya terdapat beberapa orang percaya di kalangan suku mereka di Britain. Ada di antara mereka mengalami penganiayaan dan penderitaan yang teruk. Bahkan tempat kediaman salah satu keluarga yang sudah percaya telah dibakar baru-baru ini.

Bahan-bahan Doa:

* Berdoalah agar lebih ramai orang Kristian Britain akan

Hari 15 | Orang-orang Mirpur di Britain

sedar betapa pentingnya menjangkau orang-orang Mirpur dan agar ramai akan terlibat dalam mendoakan mereka. Berdoalah juga agar pekerja Kristian dari sekitar dunia akan rela datang dan melayani di kalangan mereka.

* Berdoalah untuk sebilangan kecil pekerja lintas-budaya yang sedang melayani di kalangan orang-orang Mirpur, agar mereka akan mempunyai hikmat untuk tahu apakah caranya menjangkau orang-orang ini secara efektif. Berdoalah agar mereka akan

melihat penembusan rohani di kalangan orang-orang ini.

* Berdoalah bagi orang-orang Mirpur yang sudah percaya, bilangan mereka kecil sahaja. Berdoalah agar mereka akan dilindungi, dan agar mereka akan berupaya mengongsikan Injil dengan cara yang sesuai dengan kebudayaan mereka. Berdoa juga agar persekutuan-persekutuan bagi orang-orang Kristian berlatarbelakang agama Islam dari Mirpur akan ditubuhkan.

Islam Diterangkan:

* Orang-orang Islam Sunnah mengakui bahawa mereka terutamanya mengikut Firman Allah di dalam Qur'an dan juga adat-istiadat berkenaan dengan pemimpin-pemimpin manusia. (Penganut-penganut Islam Sunnah merupakan lebih 80% daripada semua orang Islam di seluruh dunia).
* Orang-orang Islam Syiah : Orang-orang Syiah percaya bahawa Muhammad telah melantik menantunya, Ali, sebagai penggantinya memimpin penganut-penganut Islam. Mereka percaya bahawa pemimpin sebenar orang-orang Islam adalah keturunan Ali. (Orang-orang Syiah merupakan lebih kurang 15% penganut Islam sedunia).

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim